NAMA:	KELAS:

MENGHAYATI KARYA SASTERA

ARAHAN:
Baca cerita di bawah dan senaraikan nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita tersebut. Tulis jawapan anda di dalam bentuk awan ini.

Menghayati Karya Sastera

Izuni sangat gemar membaca karya sastera seperti cerita rakyat dan puisi. Bagi Izuni, karya sastera dapat berfungsi sebagai bahan hiburan dan bahan pendidikan yang berkesan. Karya sastera yang bermutu dapat membentuk peribadi dan meningkatkan daya intelek seseorang. Nilai, mesej dan pengajaran yang terkandung dalam karya sastera memberikan kesan kepada minda dan jiwa para pembaca.

Pada suatu pagi, Izuni membaca cerita rakyat yang bertajuk "Tukang Kayu dan Tukang Besi".



Di sebuah pekan kecil, tinggallah seorang tukang kayu dan seorang tukang besi yang rajin bekerja. Tukang Kayu sangat mahir bertukang kayu manakala Tukang Besi sangat mahir bertukang besi. Kedua-duanya mampu menghasilkan pelbagai barangan hiasan dan senjata yang amat elok buatannya. Namun begitu, perniagaan mereka tidak begitu maju. Tukang Kayu dan Tukang Besi berasa amat susah hati.

Tidak jauh dari tempat tinggal mereka, ada seorang kaya yang baik hati. Orang Kaya berasa simpati akan nasib malang yang menimpa Tukang Kayu dan Tukang Besi. Beliau bercadang untuk membantu mereka.

Pada suatu hari, Orang Kaya datang berjumpa dengan Tukang Kayu dan Tukang Besi. Orang Kaya pun memberikan buah fikirannya.

"Ramai orang yang tidak tahu tentang hasil kerja kamu. Kedai kamu agak tersorok daripada pandangan orang yang lalu-lalang. Saya rasa kamu perlu berpindah ke tempat yang lain," ujar Orang Kaya. Tukang Kayu dan Tukang Besi kelihatan muram. Mereka tidak mempunyai tempat lain untuk berniaga.


"Beginilah, kamu boleh menumpang di kedai saya," kata Orang Kaya lagi. Tukang Kayu dan Tukang Besi pun bersetuju.




Selepas beberapa bulan, perniagaan Tukang Kayu dan Tukang Besi semakin maju. Saban hari, ramai orang datang untuk membeli barang yang dijual oleh mereka.

Tukang Kayu dan Tukang Besi berasa sungguh gembira. Mereka mengucapkan terima kasih kepada Orang Kaya kerana telah membantu mereka.









ARAHAN:
Lengkapkan karangan ulasan di bawah dengan nilai-nilai murni yang telah anda cari berdasarkan cerita di atas.

Cerita "Tukang Kayu dan Tukang Besi" ini mengandungi nilai-nilai murni yang boleh dicontohi. Antara nilai murni yang terdapat dalam cerita ini ialah kita perlulah **bekerja keras** dalam setiap bidang pekerjaan yang diceburi supaya **dapat menghasilkan produk yang berkualiti.**

Selain itu, kita mestilah _____

agar _____.

Di samping itu, kita haruslah _____

untuk _____

Akhir sekali, _____

supaya _____.

LIVEWORKSHEETS